

10 OCT 2002

Mahathir-Ahmed/I

PENGHANTARAN PULANG AHMED IBRAHIM MENGIKUT UNDANG-UNDANG - DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 10 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Amerika Syarikat Ahmed Ibrahim Bilal mesti keluar dari Malaysia kerana dia tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

"Kita bertindak mengikut undang-undang. Di negara ini, kita mematuhi undang-undang. Jika seseorang itu tidak mempunyai dokumen, dia mesti meninggalkan negara ini," katanya pada sidang berita selepas merasmikan seminar kebangsaan mengenai "Belajar Dari Korea" di Pusat Konvensyen Sunway di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai penghantaran pulang Ahmed Ibrahim ke Amerika Syarikat.

Ahmed Ibrahim, yang disyaki penganas, diserahkan kepada pegawai-pegawai AS pagi ini oleh polis Malaysia dan dia segera dihantar pulang ke Amerika Syarikat.

Kedutaan AS di sini, dalam satu kenyataan ringkas kepada media hari ini, mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana menyerahkan Ahmed Ibrahim.

Kenyataan Kedutaan AS berbunyi: "Ahmed Ibrahim Bilal telah diserahkan kepada pegawai-pegawai AS pagi ini oleh Polis DiRaja Malaysia dan segera dikeluarkan dari negara ini untuk dihantar pulang ke Amerika Syarikat.

"Kami sangat berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia di atas bantuan mereka."

Jabatan Imigresen mengeluarkan perintah mengusir Ahmed Ibrahim, 25, pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) semalam kerana visanya tamat tempoh berikutan pembatalan pasportnya oleh kerajaan AS.

Mahkamah Tinggi semalam menolak permohonan melanjutkan perintah mahkamah yang menghalang penghantaran pulang Ahmed Ibrahim selepas permohonan habeas corpusnya ditangguhkan ke hari ini.

Hakim Mahkamah Tinggi Datuk S. Augustine Paul dalam keputusannya berkata penangguhan itu tidak boleh dibenarkan kerana pelajar itu bukan pendatang asing tanpa izin memandangkan pasportnya telah dibatalkan oleh kerajaan AS.

Ditanya sama ada tindakan kerajaan untuk menghantar pulang Ahmed Ibrahim ada kaitan dengan cadangan bahawa Malaysia bimbang dituduh sebagai melindungi penganas, Dr Mahathir berkata:

"Tidak, kita bertindak mengikut undang-undang bukannya mengikut khabar angin atau pendapat umum. Jika undang-undang kata kita tidak boleh biarkan seseorang tanpa dokumen (di negara ini), oleh itu, kita kena patuhlah.

"Kita bukan bercakap tentang kesalahan. Kita bercakap tentang tidak mempunyai dokumen."

-- BERNAMA

AFY AHH NAK